

30 JAN 1998

Abu Zahar-Ekonomi

ANCAMAN PENJAJAHAN EKONOMI MASALAH SERIUS, KATA ABU ZAHAR

MELAKA, 30 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata rakyat perlu memberi perhatian serius terhadap bahaya ancaman penjajahan ekonomi oleh kuasa luar ke atas negara ini.

"Rakyat patut memberikan perhatian yang serius supaya negara tidak terperangkap lagi dalam satu lagi penjajahan," katanya.

Katanya, kalau dahulu negara ini telah dijajah oleh kuasa Barat melalui kuasa politik, namun sekarang bentuk baru ancaman kini ialah melalui penguasaan ekonomi.

Abu Zahar berkata demikian semasa mengulas perutusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Hari Raya Aidilfitri yang memberi amaran mengenai penjajahan ekonomi itu.

"Rakyat perlu menyokong saranan Perdana Menteri supaya bersatu padu bagi mempertahankan negara dalam menghadapi kegawatan ekonomi," katanya kepada pemberita semasa ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediaman rasminya di Seri Bendahara di sini.

"Kita sekarang berada dalam ancaman mereka (Barat) yang cuba menguasai kita melalui ekonomi...janganlah kita terperangkap pula dengan penjajahan ekonomi," katanya.

Langkah berjimat cermat dan menggunakan barangan tempatan bagi mengurangkan import adalah sebahagian daripada pengorbanan yang harus dilakukan demi kepentingan bersama, katanya.

"Sokongan rakyat sangat diperlukan kerana rakyat sahaja yang akan tentukan sama ada negara ini kekal sebagai negara bebas daripada segi ekonomi dan politik," katanya.

Mengenai usaha kerajaan negeri, Abu Zahar berkata pelbagai program dan kempen menyeluruh yang selaras dengan usaha kerajaan pusat untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi telah disusun.

Kempen menerangkan keadaan ekonomi semasa, membeli barangan tempatan dan menggalakkan pertanian serta usaha mengenalpasti tanah lapang yang sesuai untuk pertanian telah pun dilaksanakan, tambahnya.-- BERNAMA

MOZ DC